



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/03/28 (HQ)

MENTERI YAKIN TAHAP KESEDIAAN & KEUPAYAAN BEKALAN ELEKTRIK SEMASA PKP

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato' Dr. Shamsul Anuar Nasarah berkeyakinan penuh terhadap kesiapsiagaan bekalan elektrik di Semenanjung dalam menghadapi cabaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa sejak 18 Mac 2020.

Dalam sesi lawatannya ke Pusat Kawalan Wilayah Selatan dan Metro (MSRCC) dan Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional (National Load Dispatch Centre atau NLDC) di Ibu Pejabat TNB Bangsar hari ini (26 Mac 2020), Shamsul Anuar berkata TNB berperanan penting di saat negara bertungkus lumus menangani virus COVID-19.

Shamsul Anuar disertai Timbalannya, Ali Biju; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Zurinah Pawanteh, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Noor Afifah Abdul Razak dan Ketua Pegawai Operasi Suruhanjaya Tenaga, Ir. Abdul Rahim Ibrahim.

“Saya telah melihat persiapan yang dilakukan TNB dan saya yakin dengan usaha mereka. Tentunya ketika rakyat Malaysia mematuhi perintah untuk berada di rumah, warga kerja TNB berperanan penting memastikan bekalan elektrik yang stabil dapat dinikmati semua,” kata Shamsul Anuar.

Semasa lawatan, Shamsul Anuar telah diberi taklimat oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan. Hadir sama, Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Datuk Ir. Baharin Din, Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin dan Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab. Rahman.

“Saya juga dimaklumkan TNB bersedia memastikan bekalan elektrik ke hospital-hospital, baik di bandar mahupun klinik-klinik kesihatan di luar bandar, terjamin. Saya mengucapkan syabas kepada semua warga kerja TNB yang bertungkus-lumus bekerja semasa tempoh genting ini,” jelas Shamsul Anuar.

Sejak bermula PKP, TNB mengambil langkah proaktif dengan meletakkan 79 set janakuasa bergerak dengan pelbagai kapasiti di seluruh negara. Set janakuasa mudah alih juga digerakkan dan kesemuanya berada dalam keadaan bersedia sekiranya diperlukan.

Sistem bekalan elektrik ke hospital-hospital yang menjadi pusat perubatan bagi menangani wabak virus Covid-19 turut diperkukuhkan, antaranya Hospital Sungai Buloh dan Hospital Kuala Lumpur.

S.A. 2020/03/28 (HQ)

Sementara itu, Amir Hamzah mengucapkan terima kasih kepada Dato' Dr. Shamsul atas kesediaan beliau meluangkan masa turun padang untuk meninjau langkah-langkah yang diambil TNB bagi memastikan bekalan elektrik yang stabil dan berdaya harap sepanjang tempoh PKP.

Tambahnya, lawatan tersebut pasti menyuntik semangat warga kerja syarikat utiliti elektrik negara itu yang terus melaksanakan tugas, terutama sekali mereka di barisan hadapan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Mac 2020, jam 6.30 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /

Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524

atau emel ke media@tnb.com.my



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (paling kiri) menyampaikan taklimat mengenai kesiapsiagaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam menghadapi cabaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato' Dr. Shamsul Anuar Nasarah (baris hadapan, dua dari kanan) semasa sesi lawatannya hari ini. Turut hadir semasa taklimat di Bilik Kawalan Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional (National Load Dispatch Centre atau NLDC) itu, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, YB Ali Biju (baris hadapan, paling kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, YBhg. Datuk Zurinah Pawanteh (baris hadapan, dua dari kiri).